

TREND PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM PENDIDIKAN HADIS DALAM KALANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**TRENDS IN THE USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN HADITH EDUCATION AMONG UNDERGRADUATE STUDENTS AT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**Nur Hayyiratul Aisyah Shamsul Hisham¹, Najah Nadiyah Amran^{2*}¹ Graduan Sarjana Program Pengajian Al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hayyish00@gmail.com² Pensyarah, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, najah@ukm.edu.my

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembetulan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

Abstrak

Perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) telah membawa transformasi signifikan dalam pengajian Islam, termasuk dalam kursus-kursus Hadis, khususnya dalam memudahkan capaian maklumat. Peningkatan penggunaan aplikasi AI menunjukkan peralihan kaedah pembelajaran daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan digital berasaskan teknologi. Timbul persoalan kekerapan penggunaan AI dan kebergantungan pelajar menggunakan AI bakal menggantikan pembelajaran hadis secara tradisi sedangkan pengajian hadis menuntut proses yang kompleks, rujukan daripada sumber yang sahih dan berautoriti. Kajian ini bertujuan meneliti kekerapan dan faktor yang mempengaruhi penggunaan AI dalam kalangan pelajar kursus Hadis, di samping mengenal pasti sumber dan aplikasi AI yang digunakan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 30 responden, disokong oleh pendekatan kualitatif melalui pemerhatian lapangan. Dapatan kajian menunjukkan trend kecenderungan pelajar menggunakan AI terutamanya bagi tujuan pencarian maklumat (40.5%) dan membantu penulisan tugas (33.8%). Faktor utama yang mendorong penggunaan AI ialah capaian maklumat yang pantas dan mudah (51.9%), maklumat yang ringkas dan padat (27.8%), serta kemampuan AI mengatasi kekurangan sumber ilmiah (18.5%). Selain itu, pendedahan pelajar terhadap AI lebih banyak diperoleh melalui rakan sebaya (46.7%) dan media sosial (36.7%), manakala bimbingan pensyarah masih rendah. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami trend semasa khususnya kekerapan, faktor penggunaan AI dalam kalangan pelajar Hadis, serta menilai potensinya sebagai alat sokongan dalam pembelajaran ilmu-ilmu Islam. Walau bagaimanapun, hasil kajian turut menegaskan bahawa penggunaan AI tidak seharusnya menggantikan keperluan merujuk kepada sumber hadis yang muktabar dan yang lebih autoritatif.

Kata kunci

Kecerdasan Buatan (AI), Pendidikan Hadis, Pembelajaran hadis di Institusi Pengajian Tinggi

Abstract

The rapid development of artificial intelligence (AI) has brought significant transformation to Islamic studies, including Hadith courses, particularly in facilitating access to information. The increasing use of AI applications indicates a shift in learning methods from traditional approaches to technology-based digital approaches. This raises questions about the frequency of AI usage and the extent to which students rely on AI, potentially replacing traditional Hadith learning, even though Hadith studies require complex processes and references from authentic and authoritative sources. This study aims to examine the frequency and factors influencing the use of AI among Hadith course students, as well as to identify the sources and AI applications utilised. The study adopts a quantitative approach through the distribution of questionnaires to 30 respondents, supported by a qualitative approach through field observations. The findings show a trend of students using AI mainly for information retrieval (40.5%) and assisting in assignment writing (33.8%). The main factors driving AI usage are fast and easy access to information (51.9%), concise and compact information (27.8%), and AI's ability to overcome the lack of scholarly resources (18.5%). In addition, students' exposure to AI is mostly obtained through peers (46.7%) and social media (36.7%), while lecturer guidance remains low. This study makes an important contribution to understanding current trends, particularly the frequency and factors of AI usage among Hadith students, as well as evaluating its potential as a supportive tool in learning Islamic knowledge. Nevertheless, the findings also emphasise that AI usage should not replace the necessity of referring to authoritative and recognised Hadith sources.

Keywords

Artificial intelligence, hadith education, hadith learning at a higher education institution

1. Pengenalan

Apabila OpenAI memperkenalkan ChatGPT, kecerdasan buatan (AI) telah menjadi sebahagian trend kepenggunaan dalam kehidupan jutaan manusia. Impak penggunaannya meluas secara khususnya di institusi pengajian tinggi (Chen et al., 2020; Chung & Bong, 2022; Klimova et al., 2023; Muratbekovna et al., 2024). Bahkan ia menjadi pelantar sokongan pembelajaran (BERNAMA 2025; Jasferi et al. 2024). Hanya dengan pemberian arahan tertentu (*prompt*) secara spesifik dan umum pada kotak *chatbot*, AI dapat memproses data dan menyenaraikan maklumat berdasarkan algoritma, analisis, dan pangkalan data yang sedia ada (Divya et al. 2024). Mutakhir ini, kecerdasan buatan (AI) digunakan untuk mengembangkan sistem penjawab pertanyaan bagi menganalisis pertanyaan pengguna dan mengekstrak data yang paling relevan dari kumpulan data raya misalnya data raya Islam dan hadis (Sulistio et al. 2024; Prayogi 2023).

Kecerdasan buatan (*AI - Artificial Intelligence*) merujuk kepada kebolehan mesin atau sistem komputer melaksanakan tugas-tugas seperti menyelesaikan masalah dan mencari maklumat yang kebiasaannya dilakukan oleh manusia (Pitts et. 2025; Mustafa et al. 2024). Sistem ini menggunakan teknik pembelajaran mendalam (*deep learning*) untuk meningkatkan dan menunjukkan peningkatan signifikan dalam ketepatan pada jawapan (Sulistio et al. 2024). Teknologi membolehkan sumber maklumat berkaitan al-Quran dan hadis dirujuk dengan lebih mudah melalui pelbagai perisian, aplikasi mudah alih dan laman web, termasuk kecerdasan buatan seperti ChatGPT yang dapat memberikan maklumat berkaitan hadis dengan pantas bagi menyokong proses

pembelajaran dan penyelidikan (Ubaid et al. 2024). Malah, teknologi digital turut meningkatkan pengalaman pembelajaran serta menggalakkan kerjasama dan kreativiti (Ahmad, 2024). Kajian-kajian semasa juga menunjukkan bahawa AI berpotensi menjadi alat sokongan pembelajaran (Pitts et al. 2025; BERNAMA 2025; Muhammad et al; Resky & Suharyat 2024). Terdapat faktor pendorong yang mengkaji penggunaannya dalam kalangan pelajar secara umum seperti keperluan maklumat, keselesaan teknologi, dan kemudahan capaian (Ahmad, 2024).

Walaupun AI menawarkan pelbagai manfaat, terdapat kebimbangan bahawa penggunaannya tanpa panduan yang jelas boleh membawa kepada mudarat (Hosni et al. 2023). Sungguhpun AI memudahkan pengguna untuk akses kepada maklumat dengan pantas, terdapat risiko apabila maklumat yang dibekalkan yang tidak tepat dan pengguna tidak membuat semakan silang dengan sumber rujukan Islam yang muktabah (Abdulrahman 2024; Febryan et al. 2025). Ini kerana ada kandungan maklumat yang dijana terdedah dengan salah faham yang bercampur aduk antara kebenaran dan kepalsuan. Keadaan ini berlaku apabila pengguna tidak mengemukakan persoalan agama secara spesifik (Muhammad et al. 2025).

Penggunaan AI tersebut turut membawa perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran bidang ilmu pengajian Islam kerana ia dikatakan telah memudahkan pencarian kandungan teks al-Quran dan hadis secara pantas (Mustaffa et al. 2024). Namun terdapat jurang kajian dalam memahami trend dan faktor yang mendorong pelajar menggunakan AI dalam pembelajaran hadis (Prayogi, 2023). Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor utama yang mempengaruhi penggunaan AI oleh pelajar dalam pencarian maklumat hadis serta menganalisis perkembangan trend pengajian hadis pada masa kini. Resky dan Suharyat (2024) menjelaskan bahawa penggunaan AI dalam pembelajaran dan pencarian maklumat hadis memerlukan kepada semakan cermat kerana pengajian hadis berasaskan kepada sumber yang *qat'i* (pasti) sebagai rujukan utama. Oleh itu garis panduan penggunaan AI untuk pembelajaran hadis dengan kerjasama pakar bidang pengajian Islam dan pakar teknologi menjadi keperluan.

2. Sorotan Literatur

(a) Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pembelajaran

Kecerdasan buatan (AI) merujuk kepada kebolehan teknologi atau mesin untuk melaksanakan tugas-tugas manusia bagi menyelesaikan masalah, memahami bahasa, mengenali pola tertentu dan ia semakin berkembang serta digunakan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi dan agama (Muhammad et al. 2025; Mustaffa et al., 2024). Kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia mendapati AI berguna dan diterima sebagai medium yang membantu pembelajaran al-Quran dan hadis (Jasferi et al. 2024). Dengan AI, kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) menjadi semakin berteraskan teknologi (BERNAMA 2025; Mustaffa et al. 2024). Penggunaan AI juga didapati mempengaruhi proses masyarakat Islam semasa mengakses teks al-Quran dan hadis melalui enjin pencarian (Jasferi et al. 2024).

Kemunculan dan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah mengubah cara pelajar generasi hari ini belajar apabila mereka terlibat lebih aktif untuk

mencari, meneroka dan memahami teks (Mustaffa et al. 2024). Antaranya mereka menggunakan model AI seperti ChatGPT dalam proses pembelajaran berupaya menghasilkan teks melalui algoritma canggih (Ubaid et al. 2024; Resky & Suharyat 2024; Griffin et al. 2025). *Chatbot* lain seperti *Gemini* dan *Co-pilot* turut mendapat sambutan dari sudut penggunaannya kerana dapat mengakses secara percuma dan penggunaannya mudah lagi ringkas (Griffin et al. 2025).

(b) Tujuan Penggunaan dan Pendedahan Pelajar Pengajian Islam dengan AI

Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar menggunakan AI bagi mencapai pelbagai tujuan akademik, terutamanya dalam pencarian maklumat, semakan ketepatan fakta, serta penulisan tugasan. AI dianggap lebih efisien berbanding pencarian maklumat secara manual kerana menjimatkan masa dan mampu memberikan jawapan secara segera selain memperkukuh pemahaman konsep melalui maklumat yang padat (Resky & Suharyat 2024). Sebagai generasi muda Muslim alaf baharu, pelajar-pelajar mengakui bahawa AI membantu dalam meningkatkan pemahaman konsep, mempercepatkan penulisan tugasan, dan memperluas akses kepada sumber (Salleh et al. 2025; Muhammad et al. 2025). Lebih-lebih lagi AI ada keupayaan untuk memberikan jawapan dalam pelbagai bahasa dan menjelaskan maklumat dengan cara yang mudah difahami menjadikannya medium pembelajaran yang berguna (Salleh et al. 2025).

Apabila AI diaplikasikan dalam proses pembelajaran pengajian Islam, ia memudahkan lagi pelajar mendapatkan kandungan pengetahuan berkaitan al-Quran dan hadis secara komprehensif serta mempercepatkan proses penerokaan dan penyelidikan (Ubaid et al. 2024; Mustaffa et al. 2024). Ia menjadi wadah memperoleh rujukan dalam pelbagai persoalan termasuk hal ehwal keagamaan (Muhammad et al. 2024). Bagi penyelidik, AI berguna dalam proses mendraf proposal, menganalisis tema-tema dalam kajian literatur dan menghasilkan laporan ringkasan kerja (Hosni et al. 2023). Contohnya, ChatGPT berupaya menjawab persoalan dengan struktur ayat yang koheren sejajar dengan fungsinya memahami bahasa manusia (Hosni et al., 2023).

(c) Trend Penggunaan dan Perkembangan Semasa

Pengintegrasian Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*, AI) dalam pengajian Islam merupakan satu trend yang semakin berkembang, yang menawarkan pelbagai peluang serta cabaran (Nirwana et al. 2025). Peluang pertama adalah peningkatan dalam penggunaan kaedah pembelajaran berbantuan AI. Alat AI seperti ClassPoint AI, Chatbot AI dan Squirrel AI didapati dapat meningkatkan pembelajaran kognitif dan psikomotor dalam pendidikan Islam secara signifikan (Nirwana et al. 2025). Alat-alat ini membantu dalam pembelajaran bacaan al-Quran, amalan ibadah solat dan pengajian fiqh Islam. Selain itu, aplikasi mudah alih berasaskan AI seperti Qara'a dan Tarteel digunakan untuk menyokong hafazan dan pengulangan al-Quran melalui teknologi pengecaman suara, pemprosesan bahasa semula jadi dan algoritma pembelajaran adaptif, sekali gus menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersifat peribadi serta maklum balas masa nyata (Nasir et al. 2025). Kajian lepas juga menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak terdedah kepada AI melalui media sosial dan rakan sebaya berbanding melalui bimbingan pensyarah. Puncanya adalah dari algoritma media sosial yang mempercepatkan penyebaran maklumat berkaitan AI menjadikan mereka sebagai pengguna media sosial tegar (Hosni et al. 2023).

Peluang kedua adalah, penggunaan AI meningkatkan lagi kebolehcapaian kepada ilmu Islam dengan menjadikan proses pemahaman dan pengamalan agama lebih ringkas dan mudah (Nirwana et al. 2025). Contohnya, AI generatif (GenAI) berupaya menghasilkan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan dan matlamat individu, seterusnya meningkatkan motivasi serta penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dalam bidang pendidikan, sumber pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak lagi berpusat hanya kepada guru bahkan orientasi sumber PdP menjadi lebih luas iaitu dengan memanfaatkan alat bantu belajar untuk mempercepatkan pencarian maklumat dengan lebih meluas (*broad-based learning*) (Hosni et al. 2023; Ramlan & Md Rajab 2025). Oleh itu, salah satu aspek yang ditekankan dalam trend penggunaan yang semakin berkembang adalah berkaitan etika penggunaan AI dalam pengajian Islam. Guru atau pensyarah di institusi pendidikan disarankan membimbing serta mengadakan program latihan berterusan yang fokus kepada penguasaan AI dalam kalangan pelajar dan warga pendidik (Ahmad 2024) agar mereka dapat menggunakan AI dalam proses PdP secara berhemah.

3. Metodologi Penyelidikan

Unit analisis dalam kajian ini ialah pelajar di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah dan sedang mengikuti kursus-kursus berkaitan hadis dan ilmu hadis yang ditawarkan. Fokus kajian adalah terhadap kekerapan dan faktor penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pencarian maklumat hadis. Pemilihan faktor ini dibuat berdasarkan dua aspek utama: pertama, untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai tujuan dan kecenderungan pelajar menggunakan AI; kedua, untuk mengenal pasti trend penggunaan AI dan jenis model AI yang digunakan semasa mereka belajar dan menyelesaikan tugasan kursus hadis.

Pendekatan kuantitatif merupakan pendekatan kajian yang utama untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong penggunaan AI berdasarkan dapatan soal selidik. Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk mengukur kecenderungan dan faktor yang mempengaruhi penggunaan AI. Instrumen soal selidik ada Bahagian A yang mengandungi 4 soalan berkaitan maklumat demografi peserta kajian. Bahagian B ada 3 soalan untuk mengenalpasti kekerapan dan faktor pelajar menggunakan AI dalam pencarian maklumat hadis. Soalan disusun dalam bentuk pilihan jawapan bagi memudahkan analisis peratusan. Bahagian C ada 1 soalan sahaja namun ada banyak pilihan jawapan yang perlu ditandakan oleh peserta bagi mengenalpasti apakah jenis model aplikasi AI yang digunakan oleh mereka semasa meneroka maklumat hadis. Soal selidik ini juga ada soalan terbuka yang memberikan ruang kepada peserta memberikan respon tambahan. Soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui *Google Form*, dan setiap peserta kajian diberikan tempoh masa antara 20 hingga 30 minit untuk menjawab. Kaedah ini membolehkan data dikumpulkan secara seragam, sistematik dan mudah dianalisis.

Seramai 30 orang pelajar pengajian Islam telah dipilih sebagai peserta kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Mereka dipilih kerana mengambil kursus-kursus melibatkan pembelajaran hadis dan berpotensi menggunakan AI sebagai medium pencarian maklumat. Peratusan maklumat jantina peserta kajian ialah lelaki (63.3%) dan perempuan (36.7%). Peserta yang berada di

tahun 3 merupakan kumpulan peserta kajian yang teramai (73.3%). Ini disebabkan oleh bermula pada tahun 3, para pelajar program mula diklasifikasikan mengikut modul hadis dan modul tafsir. Peserta kajian yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda ini mempunyai pelbagai tahap kelulusan akademik sebelumnya. Pemilihan mereka sebagai peserta adalah disebabkan pelajar tahun 3 mula mengambil kursus-kursus di bawah modul hadis dan mempunyai tugas akademik yang mencabar. Antara kursus hadis tersebut kursus *Teks Al-Bukhari dan Muslim*, kursus *Asbab Wurud al-Hadith* dan kursus Hadis *Fitan* dan *Malahim*. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan jadual kekerapan dan peratusan bagi setiap faktor penggunaan AI. Analisis deskriptif dipilih kerana ia membantu mengenal pasti trend utama dan kecenderungan dominan dalam penggunaan AI. Kemudian dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual.

4. Hasil Dapatan

4.1 Pengalaman dan Kekerapan Menggunakan AI Dalam Pencarian Maklumat Hadis Jadual 4.1 (a) Pengalaman Penggunaan AI Sebagai Bantuan Carian Hadis

Adakah anda pernah menggunakan aplikasi AI bagi mencari maklumat berkaitan hadis?	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Ya	29	96.7
Tidak	1	3.3
JUMLAH	30	100

Jadual 4.1 (a) di atas menunjukkan majoriti pelajar mempunyai pengalaman menggunakan AI sebagai alat bantu dalam pencarian maklumat hadis. Buktinya, seramai 29 pelajar (96.7%) memberikan jawapan “Ya” yang mengesahkan pengalaman tersebut. Dapatan ini mengukuhkan bahawa penggunaan AI semakin mendapat perhatian dan digunakan secara langsung dalam proses pembelajaran (Nirwana et al. 2025; Nasir et al. 2025).

Soalan berikutnya meneroka kekerapan penggunaan. Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.1 (b), terdapat jawapan yang konsisten diperolehi dari seorang peserta yang telah menjawab “Tidak” bagi instrumen terdahulu manakala peserta kajian yang menggunakan AI dengan kerap dan sangat kerap. Trend penggunaan AI dalam pencarian maklumat hadis adalah pada tahap kerap; iaitu beberapa kali seminggu (60%), kadang-kadang; sekurang-kurangnya 1 kali seminggu (23.3%) dan sangat kerap; setiap hari (13.3%).

Jadual 4.1 (b) Kekerapan Mengguna AI bagi Carian Maklumat Hadis

Sejauhmana kekerapan anda menggunakan AI dalam pembelajaran hadis?	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Tidak Pernah	1	3.3

Jarang (Sebulan Sekali)	0	-
Kadang-Kadang (Seminggu Sekali)	7	23.3
Kerap (Beberapa kali seminggu)	18	60.0
Sangat Kerap (Setiap Hari)	4	13.3
JUMLAH	30	100

Dapatan ini menunjukkan trend kekerapan penggunaan AI yang konsisten dalam kalangan peserta kajian (73.3%; Kerap dan Sangat Kerap) yang sedang mengikut berada dalam tahun 3 iaitu mereka yang sedang mengambil kursus-kursus wajib dan elektif program sekali gus ia memberikan indikasi bahawa AI menjadi salah satu keperluan yang membantu pembelajaran serta penyelidikan tentang hadis.

4.2 Tujuan Menggunakan AI dalam Pencarian Maklumat Hadis

Bagi menjawab soalan berkaitan tujuan penggunaan, peserta kajian dibenarkan memilih lebih daripada satu jawapan. Oleh itu, jumlah kekerapan (N) adalah melebihi bilangan populasi. Peserta kajian diberikan 4 pilihan yang mewakili tujuan umum penggunaan AI yang telah dibincangkan dalam kajian-kajian awal. Data seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.2 disusun berdasarkan jumlah (N) tertinggi yang menjadi pilihan pelajar.

Jadual 4.2 Tujuan Mengguna AI dalam Carian Maklumat Hadis

Faktor/Tujuan	Perincian Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Apakah Tujuan Utama Anda Menggunakan AI Dalam Pencarian Maklumat Hadis?	Mencari maklumat tambahan	30	40.5
	Membantu dalam penulisan tugas	25	33.8
	Menyemak Fakta	16	21.6
	Lain-lain: Terjemahan & Idea Baharu	3	4.1
JUMLAH		74	100

Berdasarkan pilihan jawapan, didapati bahawa peserta mempunyai tujuan yang pelbagai sehingga mendorong mereka menggunakan AI dalam pencarian maklumat hadis. Pilihan jawapan pertama dan tertinggi ialah, AI digunakan bagi mencari maklumat tambahan mengenai sesuatu hadis (40.5%), diikuti dengan tujuan kedua iaitu sebagai alat bantu dalam penulisan tugas (33.8%). Ubaid et al. (2024) sebelum ini telah menjelaskan fungsi AI yang membantu dalam pencarian maklumat, pemahaman kandungan serta menjawab soalan-soalan yang sukar bahkan AI membantu dalam penulisan tugas dan penyelidikan. Pilihan jawapan ini menunjukkan faktor dan kecenderungan utama penggunaan AI dalam kalangan peserta adalah bagi memperkayakan pengetahuan yang sedia ada di samping membantu penulisan,

menyemak fakta dan lain-lain. Dapatan daripada soalan terbuka kepada peserta kajian memberikan pengetahuan baharu berkaitan tujuan penggunaan AI secara lebih komprehensif.

“...AI kadangkala membantu *memberi maklumat tambahan* yang selalunya *mengambil masa untuk dicari di laman web.*” (Peserta Kajian 27)

“...saya dapat maklumat yang *lebih terperinci* daripada carian yang saya lakukan.” (Peserta kajian 3)

Dapatan soalan terbuka juga memberikan jawapan yang lebih terperinci mengenai pilihan terendah iaitu AI digunakan untuk lain-lain tujuan seperti terjemahan dan sumbangsaran idea. Ini kerana bagi peserta Kajian 2, AI membantu beliau meneroka perbincangan hadis dengan lebih meluas dan tidak terhad untuk mengenalpasti terjemahan maksud hadis.

“...AI membantu saya untuk *mengetahui dengan lebih mendalam tentang perbincangan dalam suatu hadis*, yang mempunyai skop dan cabang yang luas yang boleh dicari dari [proses menggunakan] AI, *bukan dari sudut makna hadis semata-mata.*” (Peserta Kajian 2)

Seramai 16 orang peserta kajian (21.6%) memilih jawapan tujuan mereka menggunakan adalah untuk ‘Menyemak Fakta’. Ini menunjukkan bahawa AI bukan hanya mampu memberikan maklumat tambahan, malah berperanan sebagai pengkalan dataraya maklumat yang membantu pelajar-pelajar mengumpul data dan ilmu pengetahuan sehingga mereka dapat membuat penilaian terhadap ketepatan dan kesahihan fakta hadis. Bukti lain dapat dilihat melalui jawapan terbuka salah seorang pelajar yang menggambarkan bahawa AI berfungsi sebagai rujukan awal untuk memastikan fakta hadis yang diperoleh selari dengan sumber sahih:

“...*Satu perkara baharu yang saya pelajari tentang Hadis fitan hasil penggunaan AI ialah keupayaannya menjejak dan membandingkan riwayat Hadis secara menyeluruh merentas pelbagai sumber.*” (Peserta Kajian 5)

Pilihan jawapan yang paling sedikit adalah menggunakan AI bagi tujuan terjemahan dan sumbangsaran idea baharu (4.1%). Hanya tiga peserta kajian memilih jawapan menggunakan AI untuk tujuan lain seperti menterjemahkan teks hadis dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan membantu menjana idea penulisan atau sebagai bahan tambahan pembelajaran hadis. Sungguhpun ia merupakan pilihan jawapan paling sedikit, jawapan yang dikemukakan oleh peserta kajian menunjukkan kepentingan model bahasa AI yang membantu pembelajaran melalui penerjemahan. Ia juga menunjukkan fleksibiliti dan fungsi AI dalam pengukuhan pengetahuan pelajar khususnya mereka yang sukar memahami bacaan ilmu hadis dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Salah seorang peserta kajian menyatakan,

“AI membantu saya mencari maksud dan pencerahan Hadis secara mudah dalam bahasa Melayu” (Peserta Kajian 1)

Secara keseluruhannya, tujuan penggunaan AI oleh pelajar dilihat adalah untuk memenuhi keperluan tugas pembelajaran dan pengajaran akademik. AI dianggap sebagai alat bantu yang memudahkan mereka mendapatkan maklumat tambahan,


mempercepatkan tugas, serta mengukuhkan semakan fakta. Namun, peranan AI ini tetap bersifat sokongan dan tidak boleh menggantikan keperluan rujukan kepada sumber muktabar dalam pengajian hadis.

Kajian Mustaffa et al. (2024) sebelum ini menegaskan bahawa AI telah merevolusikan cara pelajar mendalami ilmu al-Quran dan hadis. Dapatan kajian ini menunjukkan hampir keseluruhan pelajar pernah menggunakan AI dalam pencarian maklumat hadis. Ini menunjukkan AI telah mencapai tahap penerimaan yang tinggi sebagai pemudahcara yang menyokong pembelajaran dan proses penerokaan hadis dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini juga mendapati pelajar khususnya yang mengambil jurusan pengajian Islam khususnya mereka yang mengambil kursus-kursus hadis telah menggunakan AI bagi pelbagai tujuan. Kepelbagaian tujuan ini memberikan indikasi bahawa AI berfungsi secara berimpak sebagai model pencarian dan penghasilan kandungan ilmu hadis yang lebih komprehensif yang menggalakkan lagi proses pembelajaran secara digital yang fleksibel. Ubaid et al. (2024) menekankan bahawa AI membantu pelajar memahami kandungan ilmu secara mendalam dan menyokong penulisan berkesan.


Kajian ini menunjukkan AI mempunyai peranan yang lebih besar dalam pembelajaran ilmu hadis, baik dari aspek teknikal, konseptual, tekstual dan kontekstual. AI menjadi sumber - muara - yang membekalkan maklumat berkaitan dengan kandungan teks termasuklah cabang-cabang ilmu hadis yang lain seperti sistem sanad, penilaian matan, pengeluaran sumber maklumat hadis dan termasuklah verifikasi status. Sekaligus ini membuka ruang dan peluang baharu kepada pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran dalam mendokumentasi, menyaring dan menilai maklumat hadis dengan tepat. Semasa pemerhatian di lapangan, didapati bahawa pelajar kursus Hadis Fitan dan Malahim telah melalui proses pembelajaran secara bermakna. Mereka didedahkan dengan kandungan dan rujukan kitab-kitab hadis yang pelbagai. Proses pembelajaran tersebut memerlukan mereka membuat pembacaan yang meluas dan secara teknikal ia memerlukan masa dan persediaan pembelajaran yang panjang. Bagaimanapun pensyarah kursus mengadaptasikan penggunaan kitab-kitab hadis utama, Kitab hadis dalam bentuk PDF, aplikasi hadis serta aplikasi AI bagi mempercepatkan proses pengumpulan, saringan dan perbincangan. Dapatan ini mengesahkan lagi bahawa AI dapat mempercepat proses pencarian, verifikasi, dan analisis hadis yang sebelumnya yang memerlukan waktu yang lama dan usaha yang besar (Nainggolan, 2024).

Jika kajian lepas menyenaraikan beberapa alat AI dan digital yang digunakan secara umum untuk bidang pengajian Islam, kajian ini secara spesifik mendapati ada lima aplikasi AI seperti *ChatGPT*, *Perplexity*, *Co-Pilot*, *Sci-Space* dan *Litmaps* telah digunakan dalam pencarian kandungan mengenai hadis fitan iaitu riwayat berkaitan akhir zaman. Contohnya seperti berikut:

Gambar Rajah 1.0 Penggunaan AI SciSpace dalam pencarian maklumat tugas hadis



Gambar Rajah 2.0 Penggunaan ChatGPT dalam pencarian maklumat tugas hadis



Gambar rajah 2.0 menunjukkan contoh *prompt* (pertanyaan) yang dikemukakan pelajar kepada AI. Pelajar ini menjelaskan bahawa maklumat berfakta yang dikehendaki mengenai hadis fitan. Ini menunjukkan AI telah menjadi alat sokongan penting dalam proses pembelajaran hadis kerana membantu mereka dalam memperoleh rujukan dan maklumat secara komprehensif.

4.3 Faktor Menggunakan AI Sebagai Sumber Carian Maklumat Hadis

Bagi item ini, peserta kajian juga dibenarkan memberikan lebih daripada satu jawapan. Oleh itu, jumlah kekerapan (N) dalam jadual 4.3 menunjukkan pilihan jawapan tertinggi secara berurutan.

Jadual 4.3 Faktor Pelajar Memilih AI Dalam Pencarian Hadis

Kategori/ Faktor	Perincian Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
------------------	----------------	---------------	-------------

Apakah Sebab Anda Memilih AI Sebagai Sumber Carian?	Cepat dan Mudah	28	51.9
	Maklumat Yang Padat	15	27.8
	Kurang Bahan Ilmiah	10	18.5
	Lain-lain: Perkara Baharu	1	1.9
JUMLAH		54	100

Dapatan ini menunjukkan trend keutamaan dalam faktor menggunakan AI dalam pencarian maklumat hadis. Jelas menunjukkan sebab mereka menggunakan AI dalam pencarian maklumat adalah kerana ia mudah dan cepat (51.9%), maklumat padat (27.8%), kurang akses kepada bahan ilmiah yang sedia ada (18.5%) dan kerana ia adalah sesuatu yang baharu (1.9%). Dapatan ini memperkukuhkan fungsi AI sebagai medium yang membantu pembelajaran hadis dengan lebih pantas, mudah, dan berkesan (Jasferi et al. 2024). Hal ini turut ditegaskan oleh Mustaffa et al. (2024) bahawa AI mempercepatkan penyediaan tugas, manakala Ubaid et al. (2024) menjelaskan AI berperanan memperkukuh motivasi pelajar. Meskipun AI dapat memproses dan menganalisis data dengan kepantasan yang luar biasa, manusia masih diperlukan untuk merancang dan melatih sistem AI untuk menilai ketepatan kandungan dan pengesahan hasilnya (Nainggolan, 2024).

4.4 Sumber Pengetahuan Mengenai Penggunaan AI Dalam Pencarian Maklumat Hadis

Jadual 4.4 Sumber Pengetahuan AI Pelajar Dalam Pencarian Hadis

Kategori/ Faktor	Perincian Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Dari manakah anda mengetahui tentang aplikasi AI seperti ChatGPT dan seumpamanya?	Rakan-Rakan	14	46.7
	Pensyarah	2	6.7
	Media Sosial	11	36.7
	Webinar/ Kursus	1	3.3
	Lain-lain: Keluarga	2	6.7
JUMLAH		30	100

Kajian terdahulu oleh Hosni et al. 2023 menjelaskan bahawa pelajar lebih banyak terdedah kepada penggunaan AI melalui media sosial dan rakan sebaya berbanding melalui bimbingan pensyarah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lingkungan komuniti rakan sebaya pelajar (46.7%) itu sendiri menjadi sumber maklumat kepada mereka menggunakan AI dalam pencarian maklumat hadis diikuti dengan media sosial (36.7%). Media sosial berperanan sebagai platform interaktif yang membolehkan

perkongsian maklumat dengan lebih mudah (Febryan et al. 2025). Bagaimanapun faktor pensyarah dan keluarga masing-masing 6.7% turut berperanan. Faktor-faktor ini membuktikan bahawa pelajar semakin bergantung pada AI sebagai medium pembelajaran, namun dalam masa sama ia menimbulkan kebimbangan terhadap kebergantungan yang berlebihan yang boleh menjejaskan kualiti akademik. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa AI telah menjadi medium dominan dalam pembelajaran hadis. Ia bukan sahaja mempercepatkan proses pencarian, malah menyediakan kepelbagaian kaedah pembelajaran melalui pelbagai fungsi seperti terjemahan, ringkasan, dan semakan fakta. Namun, Nainggolan (2024) mengingatkan bahawa walaupun AI mampu memproses maklumat dengan kepantasan luar biasa, manusia tetap diperlukan untuk menilai kesahihan dan ketepatan hasilnya. Ini bermakna manfaat AI hanya dapat dipertingkatkan penggunaannya sekiranya dipandu dengan garis panduan akademik yang jelas agar disiplin ilmu hadis tidak terjejas.

Perbincangan ini membuktikan bahawa AI telah membawa perubahan besar dalam corak pembelajaran hadis dalam kalangan pelajar. Penerimaan meluas, kepelbagaian tujuan AI, faktor pemilihan AI, dan sumber pengetahuan AI menunjukkan AI semakin menceburi dalam dunia akademik. Namun, tanpa bimbingan rasmi, akan wujudnya risiko kesalahan, kebergantungan berlebihan, serta pencampuran maklumat sah dan tidak sah. Justeru, institusi pendidikan perlu tampil sebagai peneraju dalam membentuk panduan penggunaan AI yang beretika dan berautoriti agar teknologi ini benar-benar menyumbang kepada pemeliharaan disiplin ilmu hadis (Othman et al 2024).

5. Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa pendedahan dan penggunaan AI dalam kalangan pelajar pengajian Islam secara khususnya dalam pembelajaran dan penerokaan ilmu dan riwayat hadis adalah pada tahap yang tinggi dan sangat tinggi. Ini menunjukkan, bagi pelajar tersebut AI bukan suatu teknologi asing atau alat sampingan. Ia telah menjadi rutin bagi menyelesaikan tugas pembelajaran serta membantu mereka dalam memperluaskan pembacaan tentang data raya hadis secara teknikal. AI dilihat sebagai peluang dan alat sokongan akademik bagi mendapatkan ilmu pengetahuan, maklumat tambahan dan hikmah yang akan membantu kualiti penulisan serta menyaring dan menyemak fakta. Faktor-faktor seperti kecekapan masa dan kemudahan akses telah dikenal pasti sebagai pemangkin utama penggunaannya. Dapatan soalan terbuka turut memperlihatkan bahawa pelajar melihat AI sebagai rujukan awal yang membantu mereka meneroka perbincangan hadis secara lebih meluas merentas pelbagai cabang ilmu, termasuk perbandingan riwayat, pemahaman konteks dan pencerahan makna melalui fungsi terjemahan. Walaupun demikian, pelajar secara umumnya menyedari bahawa AI berperanan sebagai pemudah cara pembelajaran dan tidak boleh menggantikan autoriti sumber hadis muktabar.

Penerokaan terhadap ilmu hadis dan konteks pembelajaran hadis menjadikan kajian ini berbeza daripada kajian terdahulu yang cenderung membincangkan penggunaan AI secara umum dalam pengajian Islam. Novelty kajian ini pula terletak pada penekanan dan penjelasan bahawa penggunaan AI dalam pengajian hadis menitikberatkan bimbingan guru dan pensyarah serta kawalan institusi agar disiplin dan metodologi pembelajaran hadis selari dengan kaedah tradisi yang berautoriti. Penggunaan AI dilihat sebagai pelengkap yang berkesan kepada kaedah pembelajaran

tradisional, bukannya sebagai pengganti mutlak. Kajian ini hanya melibatkan sampel yang terhad dan satu lokasi institusi pengajian tinggi sahaja. Justeru dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh kepada semua konteks institusi yang menawarkan bidang pengajian Islam dan kursus-kursus berkaitan hadis.

Implikasi kajian ini menunjukkan keperluan mendesak bagi institusi pengajian tinggi untuk mengambil peranan yang lebih proaktif dalam membimbing penggunaan AI dalam pembelajaran hadis melalui pembangunan garis panduan yang beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan prinsip serta metodologi ilmu hadis. Dapatan juga mencadangkan keperluan memperkukuh peranan pensyarah dalam menyediakan latihan berstruktur berkaitan penggunaan AI secara kritikal dan berautoriti, agar kebergantungan pelajar kepada sumber tidak formal seperti rakan sebaya dan media sosial dapat diseimbangkan. Kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar merentas institusi, serta meneroka isu-isu berkaitan etika AI, kebolehpercayaan maklumat periwayatan, pembangunan sistem sanad interaktif dan pendekatan pembelajaran hadis berbantuan AI yang lebih sistematik. Pendekatan ini penting bagi memastikan teknologi AI dimanfaatkan secara optimum tanpa menjejaskan integriti dan disiplin ilmu hadis.

Penghargaan

Geran Penyelidikan Islam PP-2022-019 Pembinaan Garis Panduan Pendalilan Hadis dalam Penulisan Ilmiah.

Deklarasi Penggunaan AI:

Semasa menyediakan makalah ini, pengarang telah menggunakan AI secara minima bagi tujuan semakan struktur ayat dan ketepatan terjemahan dan ejaan.

Rujukan

- Abdulrahman, M. A. (2024). The future of Hadis studies in the digital age: Opportunities and challenges. *Journal of Ecohumanism*, 3(8), 2792–2800. <https://doi.org/10.62754/joe.v3i8.4927>
- Ahmad, N. (2024). Analisis faktor penerimaan kecerdasan buatan (AI) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) kalangan pelajar Politeknik Melaka (PMK). In *Proceedings of Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences* (pp. 16–28).
- BERNAMA. (2025). AI adalah alat, bukan ancaman terhadap peranan media. Kementerian Komunikasi. <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/27018-ai-adalah-alat-bukan-ancaman-terhadap-peranan-media-teo> (25 July 2025)
- Chen, L., Chen, P., & Lin, Z. (2020). Artificial intelligence in education: A review. *IEEE Access*, 8, 75264–75278. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2020.2988510>
- Divya, D., Anitha, M. B., Amsaveni, N., Karthbick, K., Raajarajeswari, M. A., & Ponni, C. K. (2024). Impact of ChatGPT on college professors: A comprehensive study. *Naturalista Campano*, 28(1), 1–7.
- Febryan, P. H., Negara, A. K., & Ramadhan, M. F. A. (2025). Analisis penggunaan AI dalam algoritma sosial media: Systematic literature review. *JATI: Jurnal Mahasiswa Teknik Informatika*, 9(1), 1095–1102.
- Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Isu dan cabaran ChatGPT terhadap pengajian Islam. *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 8(1), 1–19.

- Jasferi, M. K., Arifen, M. N. A. K., Zin, M. A. M., & Rahman, M. Z. A. (2024). Penggunaan artificial intelligence (AI) secara engine dalam pencarian maklumat al-Quran dan hadis dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). In E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-9 (PASAK) (pp. 388–399).
- Muhammad, M., Sapuan, M. Z., & Jani, M. H. (2025). Etika penggunaan prompt kecerdasan buatan (AI) dalam memelihara kesahihan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam akidah, fikah dan tasawuf. *Jurnal Usuluddin*, 53(1), 75–98.
- Mustaffa, N. A., Aquil, N. A. P. M., Abdul Ghaffar, A. A., & Najid, M. H. M. (2024). Peranan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam membantu pencarian maklumat al-Quran dan hadis dalam pengajaran dan pembelajaran. In E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-9 (PASAK) (pp. 795–806).
- Nainggolan, A. Y. G. M. (2024). AI dan keakuratan hadis: Menelusuri hadis secara online. *Al-Mausu'ah: Jurnal Studi Islam*, 5(10), 1–8.
- Nasir, K., Zaman, R. K., Hilmi, A. B. A., Mahadzir, A. H., & Mustaffa, A. M. (2025). Artificial intelligence integration in mobile applications: Innovation and challenges in supporting Quran memorization and review. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 17(2), 612–645.
- Nirwana, A. N. A., Rifai, A., Ali, M., Mustofa, T. A., Vambudi, N., Maksum, M. N. R., & Budihargo, M. U. (2025). SWOT analysis of AI integration in Islamic education: Cognitive, affective, and psychomotor impacts. *Qubahan Academic Journal*, 5(1), 476–503. <https://doi.org/10.48161/qaj.v5n1a1498>
- Othman, F. M., Nazri, M. A., Majid, L. A., Ariffin, M. F. M., & Yabi, S. (2024). Sumbangan kerajaan dan institusi pengajian tinggi dalam memartabatkan pemikiran hadis di Malaysia. In M. F. M. Ariffin, F. M. Othman, & L. A. Majid (Eds.), *Wacana Hadis Semasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pitts, G., Marcus, V., & Motamedi, S. (2025). *Student Perspectives on the Benefits and Risks of AI in Education*. University of Florida & Pennsylvania State University.
- Prayogi, A. (2023). Trend of Hadis studies in artificial intelligence research works on Google Scholar: A literature review. In Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Humanities (pp. 609–622).
- Ramlan N., Md Rajab N.F. (2025). The Effectiveness of Using Technology for E-Learning among Islamic Students on Their Motivation during Pandemic: Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam E-Pembelajaran Terhadap Motivasi Pelajar Islam Semasa Pandemik. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(2), 131-144. <https://doi.org/10.53840/jpi.v18i2.359>
- Resky, M., & Suharyat, Y. (2024). Analisis pemanfaatan teknologi AI dalam pendidikan Islam. In Social Sciences and Humanities: International Symposium on the Interplay of Science, Technology and Socio-Economic Development (pp. 132–140).
- Salleh, F. N. M., Azman, N. A. A., Abdullah, N. I., Rani, N. H. A., Asyikin, N. A., & Lee, A. I. (2025). Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan pelajar universiti: Kesan terhadap pembelajaran dan kebergantungan akademik. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 8(1), 82–100.
- Shaharuddin, S. A., Ismail, S., Mustafa, N.M., Yahaya, M., Razali, K.S. (2024). Kemajuan Inovasi Aplikasi Tahfiz Digital: Satu Kemudahan bagi Pengajian Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Innovative Progress of Digital Tahfiz Application:

- A Facility of Tahfiz Al-Qur'an Study In Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 133-146. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.277>
- Sulistio, B., Suhartono, D., Soeparno, H., & Budiharto, W. (2024). Model of text-to-text transfer transformer for Hadis question answering system. In 2024 11th International Conference on Information Technology, Computer, and Electrical Engineering (ICITACEE) (pp. 277–284). *IEEE*. <https://doi.org/10.1109/ICITACEE62763.2024.10762762>
- Ubaid, U., Ruslan, A.-F., Tahir, M. S. M., & Ramlan, N. (2024). Cabaran dan peluang penggunaan teknologi kecerdasan buatan (ChatGPT) dalam pembelajaran subjek hadis di kalangan pelajar universiti. In E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-9 (PASAK) (pp. 883–891).